



CIMB-Principal sasar dana diurus naik RM8b

Syarikat jangka lebih banyak produk pelaburan baru diperkenal tahun ini

Oleh **Suffian A Bakar**
suffian@bharian.com.my

CIMB-Principal Asset Management Bhd menyasarkan peningkatan sebanyak RM8 bilion nilai aset bersih (NAV) dana yang diuruskannya kepada RM30 bilion menjelang akhir tahun ini, kata Ketua Eksekutifnya, Campbell Tupling.

Setakat 31 Disember 2009, CIMB-Principal menguruskan NAV dana bernilai RM22.1 bilion.

Beliau berkata, sasaran itu dibuat selepas mengambil kira

pelbagai faktor, termasuk persekitaran ekonomi dunia dan sentimen pasaran semasa yang bertambah baik.

“Sehubungan itu, anda boleh menjangka lebih banyak produk baru akan diperkenalkan CIMB-Principal sepanjang tahun ini yang direka khusus sebagai maklum balas terhadap keperluan pelanggan.

“Selain itu, permintaan daripada pelabur institusi serta runcit juga terus meningkat dan saya yakin angka sasaran itu mampu dicapai,” katanya pada pelancaran CIMB-Principal Australian Equity Fund di

Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama Ketua Pegawai Pelaburan CIMB-Principal, Raymond Tang dan Timbalan Ketua Eksekutifnya, Munirah Khairuddin.

Tupling berkata, Australia dipilih kerana ia adalah negara maju yang memiliki ‘ekonomi kukuh dan stabil yang dihubungkan kepada pasaran sedang membangun dan baru muncul’, selain mencatat pertumbuhan ekonomi tahunan sejak 17 tahun.

Sementara itu, Tang berkata, CIMB-Principal Australian Equity Fund akan dilaburkan

dalam Schroder Australian Equity Fund, dana berpangkalan di Australia.

Katanya, dana berkenaan dipilih kerana ia adalah dana terbaik di Australia dengan mencatat prestasi konsisten lebih baik daripada S&P/ASX 200 Accumulation Index untuk tempoh sederhana dan panjang.

BAntara syarikat yang akan dilabur ialah BHP Billiton Ltd, National Australia Bank, Telstra Corporation Ltd dan Commonwealth Bank.



Campbell Tupling